

# Arroyo hargai peranan Malaysia jayakan proses damai di Mindanao

um-14/1/2007

CEBU CITY, Filipina 13 Jan. - Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo melahirkan penghargaan kepada usaha tiga negara jirannya termasuk Malaysia yang memainkan peranan berkesan dalam menjayakan proses damai di Mindanao, wilayah selatan negara itu yang bergolak.

"Saya ingin mengulangi ucapan terima kasih saya kepada pemimpin-pemimpin ASEAN yang telah membantu dalam menjayakan model Filipina berurusan dengan isu Mindanao," kata beliau ketika berucap pada majlis pembukaan formal Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di Hotel Shangri-la di sini pagi ini.

Arroyo selaku Pengerusi ASEAN kali ini berkata, pihaknya telah berupaya membentuk pendekatan pembangunan keyakinan bagi mengekalkan keamanan di Pulau Mindanao.

"Kita telah bertindak dalam spektrum luas dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan pelbagai negara termasuk Sweden, Kesatuan Eropah, Jepun, Malaysia, Amerika Syarikat, Libya, Indonesia, Brunei dan anggota-anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," kata beliau.

Beliau menambah, kerjasama luas meliputi pelbagai pihak telah membentuk mewujudkan keamanan, mengelakkan anca-

man keselamatan dan menggalakkan pembangunan masyarakat Islam dan Kristian di Mindanao.

Malaysia telah memainkan peranan aktif dengan menjadi perantara dalam proses runding damai sejak empat tahun lalu bagi membantu menyelesaikan konflik di Mindanao yang berlarutan hampir tiga dekad.

## Rundingan

Kecuali sekali pada Jun 2001 di Libya, Malaysia menjadi tuan rumah dan menguruskan rundingan damai antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro

(MILF).

Beberapa siri rundingan telah diadakan di Kuala Lumpur dan Port Dickson sejak empat tahun lalu.

Mejar Jeneral Datuk Mohammad Ismail Ahmad Khan dari Angkatan Tentera Malaysia kini mengetuai misi pasukan 60 anggota pemantau gencatan senjata antara kerajaan Filipina dan MILF.

Arroyo juga melahirkan keyakinan model rundingan damai yang diguna pakai di wilayah selatan Filipina itu akan menjadi ikutan usaha penyelesaian masalah atau konflik di negara-negara lain.

- **Mingguan**